

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Umum telah memaklumi bahawa kitab suci al-Qur'an al-Karim yang menjadi sumber rujukan utama bagi pelbagai disiplin ilmu telah diturunkan Allah dalam bahasa Arab. Tiada sesiapaupun yang menyangkal bahawa bahasa Arab dan al-Qur'an al-Karim mempunyai kaitan yang sangat rapat. Umat Islam bahkan para orientalis berlumba-lumba mempelajari bahasa Arab untuk meneroka ilmu yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim, tidak ketinggalan dalam bidang linguistik. Mereka beranggapan bahawa sesuatu kajian tidak akan sempurna dan berjaya dijalankan tanpa mendalami terlebih dahulu bahasa Arab yang menjadi bahasa pengantar al-Qur'an al-Karim.

Dalam bidang linguistik, al-Qur'an al-Karim telah memberikan sumbangan yang sangat besar, terutama dalam bidang fonetik (علم الأصوات), morfologi (علم الصرف) dan sintaksis (علم النحو). Bagi membuktikan pernyataan ini, dapat dilihat bahawa walaupun bahasa Arab telah dipertuturkan semenjak berabad sebelum al-Qur'an al-Karim diturunkan, namun ilmu Sarf dan Nahu hanya mula diterokai selepas turunnya al-Qur'an al-Karim dengan tujuan memahami maksud sebenar *khitab* Allah yang menjadi sumber hukum selain menjaganya dari kesalahan bacaan yang semakin berleluasa di kalangan masyarakat Islam pada ketika itu.

Ahli bahasa Arab menggunakan ayat al-Qur'an al-Karim sebagai panduan dan bukti serta hujah dalam menetapkan sesuatu kaedah tatabahasa. Namun ini tidak bererti

kaedah yang dicipta itu bertujuan menilai kesahihan al-Qur'an al-Karim tetapi sebagai bukti dan pengukuh bagi kaedah yang mereka tetapkan.

Memang sudah diketahui bahawa bahasa Arab mempunyai kaitan rapat dengan agama Islam. Kaitan yang paling jelas mengikat antara bahasa Arab dengan al-Qur'an al-Karim ialah al-Qur'an al-Karim itu sendiri diturunkan dalam bahasa Arab. Justeru itu, sudah menjadi kelaziman bagi sesiapa yang ingin memahami isi kandungan al-Qur'an al-Karim dan mengetahui kelebihanannya harus mendalami bahasa Arab dan selok belok bahasanya dengan terperinci. Antara ilmu yang perlu dikuasai adalah ilmu linguistik. Di samping itu, ilmu-ilmu lain juga perlu dikuasai untuk menambah pemahaman terhadap bahasa Al-Qur'an al-Karim, antaranya ilmu Balaghah.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Penyelidikan tentang struktur al-Idafah dalam al-Qur'an al-Karim adalah salah satu penyelidikan yang cukup menarik untuk dikaji kerana ia mempunyai sedikit perbezaan dengan struktur al-Idafah dalam bahasa Arab berdasarkan kaedah-kaedah yang telah dikemukakan oleh nahuwan-nahuwan Arab. Contohnya pada lafaz حَيْثُ, nahuwan Arab mengatakan bahawa lafaz ini diidafatkan kepada ayat namaan dan ayat kerjaan, tetapi lafaz حَيْثُ yang diidafatkan kepada ayat namaan tidak ditemukan dalam al-Qur'an al-Karim. Ia hanya dijumpai dalam sajak Arab dan pertuturan orang Arab.

Pada amnya, struktur al-Idafah melibatkan hubungan gramatis antara kata nama dengan kata nama dan kata nama dengan ayat. Hubungan gramatis antara kata nama dengan ayat adalah struktur al-Idafah yang tidak begitu dikenali ramai. Kalau dirujuk lagi definisi yang dikemukakan oleh nahuwan-nahuwan Arab, mereka mengatakan

bahawa al-Idafat adalah hubungan yang mengaitkan antara dua kata nama sahaja. Walaupun hubungan antara kata nama dengan ayat dijelaskan kemudian, definisi ini perlu dikembangkan agar tidak terjadi kekeliruan. Seandainya struktur al-Idafat ini tidak betul-betul difahami, ramai yang menganggap bahawa hubungan gramatis antara kata nama dengan ayat bukanlah salah satu bentuk struktur al-Idafat.

Setelah beberapa kajian dijalankan oleh nahuwan-nahuwan Arab, mereka mempunyai pandangan yang berbeza dalam beberapa hal berkaitan struktur al-Idafat. Perbezaan pandangan ini kadang-kadang mengelirukan dan dapat menimbulkan salah pemahaman. Antaranya adalah berkaitan kata nama syarat إِذَا yang hanya dapat diidafatkan kepada ayat kerja sahaja. Nahuwan Basrah dan Kufah berbeza pandangan dalam beberapa ayat dalam al-Qur'an al-Karim yang diidafatkan dengan kata nama syarat إِذَا. Contohnya dalam ayat berikut :

إِذَا السَّمَاءُ انشَقَّتْ¹

‘Apabila langit terbelah’

Mengikut pandangan nahuwan Basrah perkataan السَّمَاءُ ‘langit’ adalah pelaku bagi kata kerja yang digugurkan. Andaiannya adalah إِذَا انشَقَّتِ السَّمَاءُ انشَقَّتْ. Manakala nahuwan Kufah pula berpendapat bahawa kata nama syarat إِذَا juga dapat diidafatkan kepada ayat namaan sebagaimana dapat diidafatkan kepada ayat kerja. Mereka tidak melihat ada alasan atau sebab bagi andaian ini.

Berdasarkan permasalahan yang timbul, kajian berkaitan struktur al-Idafat perlu dijalankan untuk menyingkap penggunaan struktur al-Idafat, sama ada dalam bahasa Arab atau dalam al-Qur'an al-Karim.

¹ Al-Qur'an. Surah al-Insyiqaq. Ayat 1

1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian berkaitan struktur al-Idafat ini penting dijalankan untuk menambah pemahaman kita tentang kepelbagaian bentuk struktur bahasa yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim, terutama sekali dalam memahami struktur al-Idafat. Dengan adanya pemahaman ini diharapkan menambah kecintaan kita terhadap al-Qur'an al-Karim sehingga timbul keinginan untuk terus menerokai struktur bahasa al-Qur'an al-Karim untuk perkembangan di masa hadapan.

Di samping itu, pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh nahuwan Arab dapat membuka mata kita bahawa perselisihan mereka mengenai beberapa bentuk dan hukum al-Idafat tidak akan merosakkan bahasa Arab itu sendiri, malah memperkayakannya.

Tidak dinafikan lagi bahawa dengan adanya kajian tentang struktur al-Idafat ini dapat memberikan sumbangan bagi khazanah ilmu pengetahuan terutama dalam ilmu bahasa al-Qur'an al-Karim.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan berkaitan struktur al-Idafat dalam Al-Qur'an al-Karim ini dijalankan dengan tujuan seperti berikut :

1. Mengetahui gambaran tentang pandangan nahuwan-nahuwan Arab berkaitan struktur al-Idafat.
2. Mengenal pasti perbezaan struktur al-Idafat dalam bahasa Arab, al-Qur'an al-Karim dan surah al-An'am.

3. Mengetahui bentuk-bentuk struktur al-Idafat yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim, khususnya dalam surah al-An'am.
4. Mengetahui kekerapan penggunaan struktur al-Idafat dalam surah al-An'am.

1.4 SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian di atas, maka penulis ingin menjawab soalan-soalan di bawah ini :

1. Bagaimanakah pandangan nahuwan-nahuwan Arab berkaitan struktur al-Idafat dalam al-Qur'an al-Karim dan surah al-An'am ?
2. Apakah perbezaan struktur al-Idafat dalam bahasa Arab, al-Qur'an al-Karim dan surah al-An'am ?
3. Apakah bentuk-bentuk struktur al-Idafat yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim, khususnya dalam surah al-An'am ?
4. Berapa peratuskah kekerapan penggunaan struktur al-Idafat dalam surah al-An'am ?

1.5 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian al-Idafat dalam al-Qur'an al-Karim mempunyai skop yang sangat luas. Banyak bidang ilmu yang dapat dikaji dari struktur al-Idafat ini. Kajian yang akan dijalankan ini adalah dalam bidang ilmu sintaksis. Data-data yang akan dikaji hanya dari surah al-An'am sahaja kerana ia mempunyai data yang cukup menarik untuk dikaji. Antaranya adalah dari aspek pemisahan antara mudaf dan mudaf ilayh yang terjadi dalam al-Qur'an al-Karim. Data ini dapat dijumpai dalam surah al-An'am pada ayat ke-137 yang berbunyi :

وَكَذَلِكَ زَيْنَ لِكَثِيرٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ قَتَلَ أَوْلَادِهِمْ شُرَكَائِهِمْ

‘Dan demikianlah berhala-berhala mereka (syaitan) menjadikan terasa indah bagi banyak orang-orang musyrik membunuh anak-anak mereka’

Mengikuti qira’at Ibn ‘Amir ayat ini dibaca dengan وَكَذَلِكَ زَيْنَ لِكَثِيرٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ قَتَلَ أَوْلَادِهِمْ شُرَكَائِهِمْ. Perkataan قَتَلَ adalah masdar yang diidafatkan kepada pelakunya, iaitu شُرَكَائِهِمْ. Perkataan yang memisahkan قَتَلَ dan شُرَكَائِهِمْ adalah perkataan أَوْلَادِهِمْ yang merupakan objeknya. Asalnya adalah قَتَلَ شُرَكَائِهِمْ أَوْلَادَهُمْ.

Kajian ini juga membatasi bentuk-bentuk struktur al-Idafaṭ dan kekerapan penggunaannya, iaitu hanya akan menghuraikan bentuk-bentuk struktur al-Idafaṭ dalam al-Qur’an al-Karim. Manakala dalam surah al-An‘am akan dihuraikan bentuk-bentuk struktur al-Idafaṭ dan peratus kekerapan penggunaannya.

1.6 SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa penulisan ilmiah yang membicarakan tentang struktur al-Idafaṭ, iaitu :

1. Penulisan tesis peringkat sarjana oleh Mahiran binti Mohammad Nor dengan tajuk “Pelengkap Isnad Dalam Bahasa Arab : Satu Kajian Dalam Surah al-Kahfi” (2006). Dalam penulisan ini, beliau hanya menyentuh sedikit tentang struktur al-Idafaṭ dan bentuk zarf zaman dan zarf makan yang berfungsi sebagai mudaf.
2. Penulisan tesis peringkat sarjana oleh Ashinida Binti Aladdin dengan tajuk “Kekeliruan Antara Idafaṭ dan Na‘at Di Kalangan Pelajar Melayu” (1998). Kajian

ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana pemahaman pelajar tentang struktur al-Idafaṭ dan na'at. Hasil kajian didapati bahawa ramai pelajar yang keliru antara struktur al-Idafaṭ dan na'at.

3. Penulisan oleh sarjana dari semenanjung Arab, iaitu Muhammad 'Abd al-Khaliq 'Udaimaṭ pada tahun 2004 dalam bukunya *Dirasaṭ Li Uslub al-Qur'an al-Karim*. Dalam buku tersebut beliau banyak mengupas tentang bentuk-bentuk al-Idafaṭ dan pembahagiannya yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim. Pandangan-pandangan nahuwan Arab juga turut dipaparkan untuk menilai sejauh mana perbezaan pandangan mereka dalam memahami struktur al-Idafaṭ dalam al-Qur'an al-Karim.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan di atas, penulis belum menemukan kajian tentang struktur al-Idafaṭ dalam surah al-An'am secara lebih mendalam. Mudah-mudahan kajian ini dapat memberi manfaat bagi para pencinta bahasa Arab, terutama sekali yang berkaitan dengan bahasa Al-Qur'an al-Karim.

1.7 METODE KAJIAN

Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah metode kajian perpustakaan. Kajian perpustakaan adalah langkah yang paling asas digunakan untuk mengkaji dan mengumpulkan data dan fakta-fakta berkaitan tajuk ini.

Kajian ini juga dilakukan dengan metode kualitatif dan kuantitatif. Penulis cuba mendalami bentuk-bentuk struktur al-Idafaṭ dalam surah al-An'am, kemudian data ini dibuat peratusannya untuk menunjukkan kekerapan tiap-tiap bentuk struktur al-Idafaṭ. Adapun instrumen yang digunakan dalam mengutip data adalah melalui dokumentasi.

Dalam hal ini, penulis membaca dan memahami segala bentuk data yang diperlukan untuk kajian ini, kemudian data-data ini dibahagikan menurut kategori masing-masing. Setelah data-data dan maklumat dikumpulkan, penulis menganalisis data dengan melakukan penelitian, penterjemahan dan membuat catatan-catatan penting. Metode-metode ini dijalankan untuk menghasilkan kesimpulan dan rumusan yang diharapkan tepat lagi jitu.

Penulis juga cuba menerangkan bentuk-bentuk struktur al-Idafat dalam bahasa Arab, al-Qur'an al-Karim, dan surah al-An'am. Jadi dalam hal ini metode deskriptif digunakan untuk menjelaskannya.

1.8 RANGKA KAJIAN

Berikut adalah rangka kajian yang akan dijalankan mengikut bab-babnya :

BAB I : PENDAHULUAN

Dalam bab pertama ini akan dimulakan dengan menyatakan permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, soalan kajian, skop dan batasan kajian, sorotan kajian, metode kajian dan rangka kajian.

BAB II : STRUKTUR AL-IDAFAT_u DALAM BAHASA ARAB

Dalam bab kedua dibicarakan tentang struktur al-Idafat dalam bahasa Arab, pembahagiannya, hukum-hukumnya, kata nama dan al-Idafat, bentuk-bentuk struktur

al-Idafaṭ dalam bahasa Arab, pengguguran mudaf dan mudaf ilayh, sifat mudaf dan mudaf ilayh dan beberapa pandangan nahuwan Arab tentang struktur al-Idafaṭ.

BAB III : STRUKTUR AL-IDAFAṬ DALAM AL-QUR'AN AL-KARIM

Dalam bab ini pula akan disentuh tentang permasalahan berkaitan struktur al-Idafaṭ yang terdapat dalam Al-Qur'an al-Karim. Struktur al-Idafaṭ yang terdapat dalam bahasa Arab diaplikasikan terhadap data yang terdapat dalam Al-Qur'an al-Karim, kemudian dipaparkan perbezaan antara struktur al-Idafaṭ dalam bahasa Arab dan Al-Qur'an al-Karim.

BAB IV : STRUKTUR AL-IDAFAṬ DALAM SURAH AL-AN'AM

Bab ini merangkumi kajian mendalam mengenai struktur al-Idafaṭ dalam surah al-An'am. Data yang terdapat dalam surah ini dibincangkan mengikut kategori-kategori yang telah dikelaskan untuk memberikan gambaran yang lebih dekat dan jelas. Bentuk-bentuk struktur al-Idafaṭ bahasa Arab dan al-Qur'an al-Karim juga akan dibezakan dengan bentuk-bentuk struktur al-Idafaṭ dalam surah al-An'am. Dalam bab ini juga akan dipaparkan peratus kekerapan penggunaan struktur al-Idafaṭ mengikut kategorinya.

BAB V : PENUTUP

Dalam bab terakhir ini akan dirumuskan mengenai dapatan kajian yang telah diperolehi, cadangan-cadangan yang perlu dijalankan untuk penyelidikan berikutnya dan saranan-saranan serta kesimpulan setelah kajian ini dijalankan.

1.9 KESIMPULAN

Penyelidikan mengenai struktur al-Idafaṭ dalam al-Qur'an al-Karim, khususnya dalam surah al-An'am adalah salah satu penyelidikan yang bertujuan untuk meneroka isi kandungan al-Qur'an al-Karim dari bidang sintaksis. Mudah-mudahan dengan penyelidikan ini dapat menambah pengetahuan kita mengenai struktur al-Idafaṭ. Dengan adanya kajian ini dapat menambah kecintaan dan hasrat kita untuk terus mengkaji al-Qur'an al-Karim dari pelbagai bidang ilmu linguistik.

